

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN CHAN LIH KANG  
[ TANJONG MALIM ]**

**TARIKH : 2 NOVEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN CHAN LIH KANG [ TANJONG MALIM ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk mencegah pusat perlindungan wanita, pusat penjagaan OKU, rumah anak yatim atau rumah orang tua daripada beroperasi tanpa lesen.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKM) telah diberi tanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Pusat Jagaan 1993 dan Peraturan-Peraturan Pusat Jagaan 1994.

Terdapat 2 proses bagi sesebuah pusat Jagaan untuk mendapatkan perakuan pendaftaran iaitu:

- 1) Proses mendapat **kelulusan 3 agensi teknikal iaitu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Bomba dan Penyelamat, dan Kementerian Kesihatan Malaysia.**
- 2) Proses mendapatkan **perakuan pendaftaran daripada JKJ.** Mengikut piagam pelanggan JKJ, proses perakuan pendaftaran merujuk pada tempoh 21 hari selepas menerima permohonan lengkap dengan kelulusan 3 agensi teknikal. Dengan ini tiada kes Pusat Jagaan yang tidak mendapat kelulusan setelah memenuhi kelulusan 3 agensi teknikal tersebut.

Semua Pusat Jagaan hendaklah mendapat **kelulusan daripada 3 agensi teknikal iaitu Pihak Berkuasa Tempatan, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia** sebelum perakuan pendaftaran dipertimbangkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Di antara punca sesebuah pusat jagaan **gagal didaftarkan adalah bergantung kepada kelulusan 3 agensi teknikal** berdasarkan keperluan agensi yang telah ditetapkan. Bagi mempermudah dan menggalakkan pusat jagaan untuk mendaftar, JKJ mengadakan **sesi advokasi kepada pengendali pusat jagaan, mesyuarat inter-agensi bersama agensi-agensi teknikal 2 kali setahun di setiap daerah dan negeri, serta jerayawara** di setiap negeri untuk memberi pemahaman dan mudah cara proses pendaftaran Pusat Jagaan di seluruh negara. JKJ melaksanakan program advokasi dan jerayawara secara

berterusan kepada pengendali pusat jagaan dan masyarakat bagi memastikan mereka lebih cakna dan sedar kepentingan mendaftarkan pusat jagaan dengan JKM. **Berdasarkan statistik daripada Januari sehingga September tahun ini, terdapat sebanyak 43 program jerayawara direkodkan telah diadakan di seluruh negara.**

Kementerian juga komited dalam memastikan tindakan penguatkuasaan diambil ke atas pusat jagaan yang tidak berdaftar. Terdapat tiga tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil ke atas pusat jagaan tidak berdaftar. Mengikut peruntukan Akta Pusat Jagaan (1993) Pindaan (2007), dinyatakan dalam Seksyen 16A(1) **mengelak atau menyita**. Selain itu, di bawah seksyen 21 pula adalah untuk **pendakwaan** manakala seksyen 21A(1) **pengkompaunan** kesalahan tidak melebihi lima ribu ringgit (RM5,000.00).

Tuan Yang di-Pertua,

Selain daripada yang dinyatakan di atas, Seksyen 18 Akta Pusat Jagaan 1993 juga menyatakan tentang **kesalahan dan penalti** kepada pengendali pusat-pusat jagaan yang gagal mematuhi peruntukan dalam akta ini, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit (RM10,000.00) atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya.

Berdasarkan statistik daripada **Januari 2018 sehingga Ogos 2021, sebanyak 59 tindakan penguatkuasaan** yang telah dikenakan ke atas pusat jagaan tidak berdaftar. JKM berusaha memastikan pusat jagaan tidak berdaftar dapat diminimumkan dengan menjalankan program advokasi dan jerayawara. **Tindakan penguatkuasaan terpaksa diambil ke atas pemilik atau pengusaha yang telah diberikan amaran tetapi masih ingkar untuk mendaftarkan pusat jagaan mereka memandangkan kebajikan dan kesejahteraan penghuni di pusat-pusat jagaan ini yang menjadi keutamaan kepada JKM.**

Sekian, terima kasih.